

**HARYATI Hasan**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

## **MASALAH SALAH LAKU SEKSUAL DI KELANTAN, 1916-1941**

### ***SOCIAL AND MORAL ISSUES IN KELANTAN, 1916-1941***

*Artikel ini membincangkan mengenai pelacuran, khalwat dan bersekedudukan serta rogol dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan. Penulisan dari perspektif sejarah sosial, memfokuskan tempoh masa 1916 sehingga 1941 berdasarkan analisis sumber primer seperti laporan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Pejabat Balai Kelantan (PBK) dan Pejabat Menteri Kelantan (PMK) yang diperolehi di Arkib Negara Malaysia. Artikel ini menganalisis gejala pelacuran dalam kalangan wanita Melayu Kelantan sebelum Perang Dunia Kedua. Perceraian, kemiskinan dan pendidikan yang tidak sempurna merupakan faktor yang telah menjerumuskan mereka ke lembah pelacuran. Artikel ini turut menganalisis mengenai faktor berlakunya khalwat dan bersekedudukan seperti pengabaian nafkah dan tanggungjawab, kekurangan pengetahuan agama dan tarikan ekonomi. Wanita yang terlibat berstatus isteri atau telah bercerai, mempunyai pasangan dari pelbagai latarbelakang pekerjaan serta terdiri daripada kaum Melayu dan bukan Melayu. Pihak ketiga berperanan melaporkan kepada pihak MAIK mengenai masalah khalwat dan bersekedudukan serta rogol. Selain itu artikel ini membincangkan Notis no.26 tahun 1916 mengenai peranan MAIK dalam mengawal masalah salah laku seksual. MAIK berkuasa menangkap tanpa waran, memanggil dan menegah lelaki atau perempuan yang tidak berakhlik, menghalau pelacur dan orang tengah dari jajahan atau negeri Kelantan serta menjatuhkan hukuman denda dan penjara. Kewujudan laporan MAIK, membuktikan bahawa sejak ia ditubuhkan pada 1915 MAIK telah berusaha menangani masalah salah laku seksual yang melibatkan segerintir masyarakat Islam di Kelantan pada tempoh tersebut. Kajian ini dijangka mampu mengisi ruang kosong dalam penulisan berkenaan sejarah sosial Malaysia dan kajian gender khususnya sebelum Perang Dunia Kedua.*

**Kata kunci:** *Salah laku, Seksual, Kelantan, MAIK, Notis.*

*This article was to collect and assess information about prostitution, khalwat (close proximity), cohabitation and rape in a Kelantanese Malay community. Writing within the perspective of*

*social history, the focused on the period from 1916 to 1941, because some primary sources such as Kelantan Council of Islamic Religion and Malay Custom (MAIK), Kelantan Hall's Office and Kelantan Minister's Office reports on this period have recently become available at the National Archives of Malaysia. This article analyses the phenomenon of prostitution among Malay women in Kelantan before the Second World War. Divorce, poverty, and lack of education were among the major factors which drive Malay women into prostitution. This study reveals that failure to provide the living for the family and irresponsibility, lack of religious knowledge and economic attraction were among the factors that drove women to khalwat and cohabitation. The women were usually married or recently divorced and had partners were from different profession backgrounds, made up of Malay and non-Malays. Cases of khalwat, cohabitation and rape were usually disclosed by a third party to MAIK. In addition, this article discusses Notice no.26 of 1916 on the role of MAIK in controlling the problem of sexual misconduct. MAIK had power to arrest individuals without warrant, admonishing them, banishing prostitutes and pimps, as well as meting out imprisonment and fines. This law showed that MAIK, since its establishment in 1915, had tried it best to curb social and moral ills among Kelantan Muslims at that time. The study was able to fill the space in writing about Malaysian social history and gender studies, especially before the Second World War.*

**Keywords:** Wrong doing, Sexual, Kelantan, MAIK, Notice.

## Pengenalan

Majlis Ugama Islam dan Istimadat Melayu Kelantan (nama asal pada waktu pemasyhuran) atau kini biasa disebut ringkas dengan nama Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) ditubuhkan pada 17 Safar 1334 Hijrah bersamaan 24 Disember 1915, merupakan institusi agama yang pertama ditubuhkan di Semenanjung Malaysia.<sup>1</sup> Sebelum penubuhan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JHEAIK) pada 1979 dan Yayasan Islam Kelantan (YIK) pada 1983, MAIK merupakan badan tunggal dengan kuasa penuh dalam bidang agama pada peringkat negeri Kelantan. MAIK merupakan badan penasihat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan dalam perkara agama. Selain itu, MAIK berperanan sebagai pihak berkuasa dalam semua urusan keagamaan negeri Kelantan yang merangkumi fatwa, zakat dan fitrah, wakaf dan baitulmal, wasiat dan nazar, penentuan puasa dan hari raya, imam dan mukim Jumaat, saudara baru dan lain-lain. Sebelum Pejabat Mufti diletakkan di bawah kerajaan Negeri pada 1920, MAIK turut berperanan

sebagai sebuah Mahkamah Rayuan bagi kes-kes kekeluargaan dan jenayah agama. Selain itu, pada peringkat awal penubuhannya, MAIK turut berperanan dalam menangani kegiatan maksiat di negeri Kelantan.<sup>2</sup>

Berdasarkan laporan bertulis MAIK yang dikutip dan dicatat dari pengakuan para pesalah, masalah sosial yang melibatkan masyarakat Melayu Islam terbahagi kepada dua iaitu masalah salah laku seksual dan masalah akidah. Masalah salah laku seksual melibatkan kegiatan pelacuran, khawat dan bersekedudukan serta rogol. Masalah akidah pula seperti murtad dan ajaran sesat. Perbincangan artikel ini menumpukan kepada masalah salah laku seksual dan undang-undang menangani masalah tersebut pada tempoh masa 25 tahun dari 1916 sehingga 1941. Pemilihan tahun 1916 kerana laporan bertulis MAIK paling awal dikesan. Selain itu, sepanjang tahun berkenaan sejumlah tidak kurang daripada 11 notis atau undang-undang telah diluluskan oleh *State Council* untuk dikuatkuasakan dan dilaksanakan oleh MAIK bagi melicinkan pentadbiran Islam di Kelantan. Pada 1941, meletusnya Perang Dunia Kedua yang memperlihatkan perubahan kuasa penajah daripada British kepada Jepun di Tanah Melayu termasuk Kelantan.

Selain itu, golongan intelektual menyedari peri pentingnya menangani masalah sosial dalam kalangan masyarakat Islam. Ini berikutan berleluasanya masalah sosial yang melibatkan kalangan wanita Melayu Islam dengan pasangan lelaki bukan Melayu. Pembukaan ladang getah dan lombong emas di jajahan Ulu Kelantan menjadi penyumbang kepada masalah pelacuran, khawat dan bersekedudukan di Kelantan. Notis No. 26 Tahun 1916 “Perkara yang berkenaan dengan laki-laki dan perempuan jahat” memberi kuasa kepada pihak MAIK untuk mengawal masalah salah laku seksual dalam kalangan masyarakat Melayu Islam di Kelantan.<sup>3</sup> Artikel ini menganalisis laporan bertulis MAIK mengenai masalah pelacuran, khawat dan bersekedudukan serta rogol. Selain itu, artikel ini turut membincangkan tentang Notis No. 26 Tahun 1916 dalam mencegah masalah salah laku seksual di Kelantan sehingga menjelang Perang Dunia Kedua.

## **Masalah salah laku seksual**

Perbincangan mengenai masalah salah laku seksual di Kelantan dari 1916 sehingga 1941 dibahagikan kepada tiga tajuk kecil iaitu pelacuran, khawat dan bersekedudukan serta rogol.

### **a- Pelacuran**

Pelacuran bukanlah satu fenomena baharu dalam kehidupan manusia. Di Kelantan, aktiviti berkenaan telah dikesan beroperasi di pelabuhan sejak suku pertama abad ke 19.<sup>4</sup> Sehingga menjelang Perang Dunia Kedua, Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) telah menangkap ramai pelacur

khlasnya di jajahan Kota Bharu.<sup>5</sup> Laporan MAIK, turut menyebut mengenai lokasi dan bagaimana kegiatan tersebut beroperasi di beberapa jajahan di Kelantan.<sup>6</sup> Menurut laporan MAIK lagi, *notis*,<sup>7</sup> *pemberitahu*<sup>8</sup> dan *cadangan*<sup>9</sup> telah diperkenal dan dikuatkuasakan. Selain itu, terdapat laporan mengenai penyakit kelamin yang dikaitkan dengan masalah pelacuran dirujuk di hospital Kota Bharu dan Kuala Krai.<sup>10</sup>


Pada awal abad ke 20, ulama terkenal Kelantan Tok Kenali menyatakan faktor kejahilan merupakan sebab utama wanita terjerumus ke lembah pelacuran.<sup>11</sup> Haryati Hasan pula mendapati terdapat lima faktor yang saling berkait seperti perceraian, keruntuhan moral, keinginan mendapat kehidupan yang senang, kemiskinan serta terpedaya.<sup>12</sup>

Analisis kenyataan pelacur seperti yang terdapat dalam laporan MAIK dalam tempoh 25 tahun dari 1916 sehingga 1941 menunjukkan terdapat segelintir wanita Melayu Kelantan memilih menjadi pelacur sebagai satu bidang “pekerjaan” sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa. Menurut laporan MAIK wanita berkenaan dikenali sebagai *Orang Bujang* atau *Perempuan Bujang* dan masyarakat di Kelantan menyebutnya sebagai *Ore Buje*.<sup>13</sup> Istilah pelacur atau pelacuran merupakan sesuatu yang begitu asing kepada masyarakat di sana. Istilah *Orang Bujang* asalnya merupakan gelaran kepada wanita yang berstatus janda. Namun disebabkan ramai daripada mereka yang menjadi pelacur maka lama kelamaan gelaran tersebut menjadi begitu sinonim. Selain istilah *Orang Bujang* pelacur juga dikenali sebagai *Perempuan Jalang*, *Sundal*, *Perempuan Jahat*, *Orang Kaki Lima*, *Orang Mencari Duit* serta *Kupu-Kupu Malam*.<sup>14</sup> Istilah tersebut mempunyai hubungkait dengan budaya dan pemikiran Melayu. Abdullah Munshi dalam karyanya yang berjudul *Kesah Pelayaran Abdullah* pada suku pertama abad ke 19 menggunakan istilah *Jalang* bagi merujuk kepada pelacur di pelabuhan di Kelantan.<sup>15</sup> Tok Kenali salah seorang ulama dan penulis terkenal Kelantan pada awal abad ke 20 menggunakan istilah *Sundal* yang bermaksud “*berkasih-kasihan dan berkendak atas jalan yang sehabis hina pada sisi tuhan dan manusia.*”<sup>16</sup> Istilah tersebut digunakan ketika beliau memperkatakan mengenai faktor dan langkah mengatasi masalah pelacuran. Konklusinya, *Orang Bujang* merujuk kepada wanita yang berstatus janda. Mereka menyara kehidupan dengan menjadi pelacur samada secara sepenuh masa atau separuh masa kerana didorong oleh pelbagai faktor. Masyarakat Kelantan waktu tersebut kebanyakannya memandang negatif terhadap wanita ‘buje’ ini dan mengganggap mereka sebagai “*perempuan yang sudah tidak tentu lagi maruahnya.*” Selain itu, analisis terhadap laporan MAIK juga menunjukkan terdapat persepsi negatif terhadap wanita “buje” ini.

Menurut laporan MAIK pada 1916<sup>17</sup>, sebahagian wanita yang ditangkap mengaku menjadi pelacur kerana mereka tidak mempunyai suami. Selain itu, laporan MAIK turut menyebut bahawa salah satu sebab wujudnya kegiatan pelacuran kerana kejahilan dan kurangnya kesedaran dalam kalangan

sesetengah wanita yang berstatus ‘buje’. Menurut seorang wanita yang berasal dari Bachok (Kenyataan 1) menyatakan beliau melacur untuk “suka-suka hati” kerana tiada pekerjaan yang boleh dilakukannya disebabkan beliau berstatus “bujang”. Menurut wanita berkenaan;

#### Kenyataan 1




Sumber: MAIK, 135/16, hlm. 2.

*Hamba turun ke Kota Bharu ini lebih kurang sebulan kerana membeli barang duduk di rumah Pak Man Jawa. Hamba ini duduk tiada pekerjaan hanyalah suka-suka hati sahaja sebab hamba bujang lebih kurang setahun dengan sekarang hamba ini tidak tahu apa-apa hanyalah baharu tahu hamba dipanggil ini sahaja.*

Situasi yang sama digambarkan oleh wanita yang berasal dari Tumpat (Kenyataan 2). Wanita berkenaan memberitahu kepada pihak MAIK yang beliau tiada tempat tinggal tetap. Menurutnya lagi beliau akan tinggal di mana sahaja sekiranya tempat berkenaan boleh menghiburkan hati. Menurut wanita itu lagi keperluannya seperti makan, minum serta pakaian tidak tentu diperoleh. Walau bagaimanapun, wanita berkenaan menyatakan beliau tidak menjadi perempuan simpanan kepada sesiapa pun. Wanita berkenaan sebaliknya mengaku “bermain muda” kerana hidup seorang diri. Beliau juga menyatakan tidak mengetahui bahawa perbuatannya ditegah oleh kerajaan sehinggalah beliau dipanggil oleh pihak MAIK.

### Kenyataan 2




Sumber: MAIK, 135/16, hlm. 13.

*Maka sekarang saya duduk rata dengan sebab saya tiada laki di mana tempat yang boleh saya bersuka hati di situlah saya duduk. Makan pakai saya yang sehari ini tidak tetap saya dapat. Saya tiada siapa-siapa yang memeliharkan saya. Saya ada buat (bermain muda) dan lain yang berkaitan dengan orang muda dengan sebab saya seorang diri. Saya tidak tahu perkara bermain muda itu kerajaan ada tegah. Dahulu daripada ini saya tidak pernah majlis panggil.*

Selain itu, terdapat juga dalam kalangan wanita tersebut yang mempunyai pekerjaan lain tetapi mereka melacur kerana memenuhi tuntutan batin. Salah seorang wanita yang ditangkap oleh MAIK membuat pengakuan yang beliau melacur sekali-sekala sahaja. Kenyataan 3 menggambarkan situasi tersebut.

### Kenyataan 3




Sumber: MAIK, 135/16, hlm. 13.

Hamba ini bujang lebih kurang tujuh bulan dengan sekarang. Hamba duduk membuat kerja kepada bini raja Muda ambil upah menumbuk dan lainnya. Hamba ini tidak tetap ikut.....hendak balik ke darat Mulong kerana asal hamba orang Mulong. Hamba ini ada juga jarang-jarang sekali membuat jahat bagaimana yang diketahui oleh majlis itu. Bukan hamba ini berjahat seperti orang lain-lain itu hanyalah jarang-jarang sahaja maklumlah orang bujang. Akan berkahwin dalam masa dua hari lagi.

Sementara itu ada dalam kalangan wanita (Kenyataan 4) yang menyatakan bahawa beliau melacur kerana merasa “bosan” berada di rumah disebabkan beliau “bujang”. Menurut wanita berkenaan,

#### Kenyataan 4



Sumber: MAIK, 135/16, hlm. 6.


Saya ini peranakan di Kelantan duduk saya pada masa ini yang tetapnya sedang di rumah saya. Maka saya duduk di Kota Bharu di rumah Seman saudara saya di Kampung Nik Seri Paduka; sebab yang saya duduk di rumah saudara saya ini kerana saya ini puas duduk di rumah bapa saya seorang itu kerana saya ini orang bujang. Sungguhpun saya duduk di Kota Bharu ini bukan saya ini melakukan perkara jahat barang ditegah syara’ dan mengakulah saya daripada tarikh surat ini apakala saya melakukan perbuatan yang ditegah oleh Majlis Agama Islam mengikutlah saya apa hukuman di atas saya. Dan juga kemudian daripada hari ini saya mesti balik duduk di seberang di rumah bapa saya, hanya mari ke Kota Bharu ini sehari dua sahaja

kerana berjumpa dengan saudara saya Sulaiman. Dan kemudian jika ada janji temuir (jodoh) saya dengan siapa saya hendak berlaki.

Berdasarkan Kenyataan 4 tersebut menunjukkan bahawa wanita berkenaan merasa bosan tinggal di rumah kerana keseorangan disebabkan beliau "bujang". Menurut wanita itu lagi, bagi mengatasi masalah tersebut beliau telah berkunjung ke rumah saudaranya yang terletak di Kota Bharu. Wanita berkenaan walaubagaimana pun menafikan menjadi pelacur. Wanita berkenaan turut memberitahu MAIK yang beliau akan kembali ke kampung halamannya setelah berada beberapa hari di rumah saudaranya. Menurut wanita itu lagi, beliau menaruh harapan untuk berkahwin semula sekiranya bertemu jodoh nanti.

Masalah perceraian dan keruntuhan moral dalam kalangan "buje" masih terus diperkatakan di dalam laporan MAIK pada 1921.<sup>18</sup> Menurut (kenyataan 5) ini menunjukkan wanita berkenaan mengakui menjadi pelacur. Beliau menyimpan harapan agar bertemu jodoh dengan salah seorang daripada pelanggannya. Justeru itu beliau memilih pelanggan dalam kalangan lelaki berbangsa Melayu sahaja. Ini dapat diperhatikan di dalam Kenyataan 5 seperti berikut;

#### Kenyataan 5




Sumber: MAIK, 125/21, hlm. 2.

Saya duduk di Lorong Tengku Putera Semerak saya sekarang bujang. Kehidupan saya dengan mencari makan dengan menari ronggeng

lain-lain pekerjaan tak dak. Saya tak dak bermain tetap dengan siapa-siapa pun saya bujang lebih kurang setahun, saya ada bermain muda dengan tidak tetap ada juga tetapi tidak lain ialah semata-mata dengan orang Melayu lagi pula tidak saya pergi mengacau-gacau di kelain tempat hanya di bandar Kota Bharu sahaja. Saya tahu pekerjaan itu salah pada hukum. Saya bermain-main itu kerana hendak cari bersetujuan dengan sebab hendak berkahwin tetapi selama itu tidak bertemu lagi yang bersetujuan. Saya duduk bersekeliti dengan Mek Ngor mak saudara Putih. Mek Ngor itu pun bujang juga. Sekarang saya tak dak berjanji dengan siapa-siapa lagi hendak berkahwin. Saya mengaku dan taat tidak bermain muda dari masa ini sampai bila-bila pun dan mengaku saya melakukan perangai orang baik, sekiranya didapati melanggar akuan saya itu mengaku saya menerima apa-apa hukuman.

Keinginan untuk berkahwin turut dinyatakan oleh wanita berikut (Kenyataan 6) yang merupakan adik kepada wanita (Kenyataan 5). Berbanding kakak beliau, wanita ini tidak melayan sembarangan lelaki sebaliknya beliau mempunyai seorang pelanggan tetap yang bekerja sebagai anggota polis. Pengakuan tersebut dapat dilihat di dalam Kenyataan 6 seperti berikut;

## Kenyataan 6



Sumber: *MAIK*, 125/21, hlm. 2.


Saya sekarang duduk bersekali dengan kakak saya..... kehidupan saya dengan tidak ada apa-apa pekerjaan. Saya sekarang bujang baru lepas edah tiga hari dengan laki saya Yusof. Saya sekarang bermain tetap dengan Awang mualaf mata-mata gelap nombor 10.

Saya bermain dengan dia lebih kurang dua bulan dan perbelanjaan saya Awang beri belanja iaitu semua gajinya diserah kepada saya sebanyak \$38. Awang ini orang Pasir Tumboh. Dalam masa ini seperti orang laki bini pada tidur duduk dan makan pakai. Saya hendak berkahwin dengan Awang lagi satu bulan. Sebelum menikah saya hendak bersuku-sukulah. Maka mengakulah saya tidak bersekali dengan Awang melainkan kemudian daripada berkahwin dan mengakulah saya hendak melakukan perangai yang baik jika didapati menyalahi akuan saya itu taatlah saya apa-apa hukuman.

Berdasarkan kenyataan (5 dan 6) terdapat ciri persamaan dan perbezaan. Persamaan antara dua beradik ini ialah mereka berstatus ‘buje’. Selain itu mereka juga memasang impian untuk berkahwin. Perbezaan antara keduanya ialah si kakak masih mencari pasangan yang sesuai, sementara si adik pula telah menemui pasangan yang diharapkan bakal menjadi suaminya kelak. Kenyataan para ‘buje’ tersebut menunjukkan mereka kesepian tanpa teman penghibur. Mereka turut mengalami tekanan perasaan dalam memenuhi tuntutan nafkah terutamanya nafkah batin dan sesetengah ‘buje’ yang tipis imannya dengan mudah terjerumus ke dalam kegiatan pelacuran.

Selain itu terdapat dalam kalangan “Buje” yang terdesak menjadi pelacur kerana mereka kehilangan tempat pergantungan setelah perkahwinan berakhir dengan perceraian. Seorang wanita yang berasal dari Bachok (kenyataan 7) memberitahu MAIK,

#### Kenyataan 7



Sumber: MAIK, 135/16, hlm. 7

*Saya asalnya orang Bachok lama turun ke Kota Bharu dua bulan sewa rumah saya bayar \$3.00 dan saya tak dak membuat suatu apa-apa pekerjaan makan dan pakai hak saya sendiri dan saya baharu bercerai dengan laki saya dua bulan dan sudah cerai saya tak dak bawa laki saya nama Senik bin Husin Kampung Bachok. Maka saya hendak berlaki tak dak orang mahu lagi; jikalau ada orang mahu kepada saya sekarang pun saya mahu selalu. Maka saya mengaku sekarang saya tidak mahu membuat melakukan kelakuan yang jahat; pada masa dahulu betul saya membuat kelakuan yang jahat. Sekarang saya hendak balik ke Bachok ke kampong tempat saya dan saya menurunkan tandatangan di bawah ini adanya.*

Wanita berkenaan di dalam pengakuannya kepada pihak MAIK menyatakan, beliau terpaksa melacur kerana tidak mempunyai pekerjaan untuk menyara kehidupannya setelah ketidaaan suami. Menurut wanita itu lagi beliau berhasrat untuk berkahwin semula supaya tidak berterusan menjadi pelacur. Keadaan ini menjelaskan mengapa kebanyakan pelacur yang ditangkap dan didakwa terdiri dalam kalangan janda.

Tok Kenali, ulama terkenal Kelantan sebelum Perang Dunia Kedua, dalam satu tulisannya pada 1921 menyatakan bahawa salah satu sebab wanita terjebak ke lembah pelacuran kerana sifat malas dalam kalangan lelaki dan mereka tidak mengambil berat untuk menanggung nafkah anak isteri. Menurut beliau, “*maka daripada kemalasan itu dibiarkanlah anak isteri itu keluar sendiri mengerjakan yang patut dikerjakannya dan tidak diambil berat walau isteri atau anak mudanya itu mencari kesukaan kesedapan dirinya.*”<sup>19</sup> Menurut Tok Kenali lagi, “*satu sebab berkembang biaknya pelacuran ialah kerana tiada didikan ibu bapa sewaktu anak-anak masih kecil. Ketiadaan didikan ini mungkin berpunca daripada kejahilan ibu bapa itu sendiri*”.<sup>20</sup>

Berdasarkan kenyataan tersebut menunjukkan terdapat dalam kalangan pelacur yang ingin kembali hidup berkeluarga. Namun begitu, impian mereka jarang tercapai kerana hanya sebilangan kecil yang berjaya berkahwin semula setelah diceraikan suami pertama. Selain itu wanita bukan sahaja perlu mencari nafkah untuk menyara diri sendiri tetapi mereka perlu menanggung beban membela anak yang masih kecil setelah ditinggalkan oleh suami tanpa nafkah. Selain itu juga ada dalam kalangan wanita yang tidak mempunyai pendapatan tetap tetapi terpaksa menyara ibu bapa yang telah tua. Wanita yang kurang pelajaran atau tiada kebolehan istimewa seperti menjahit dan sebagainya akhirnya terlibat dalam pelacuran sebagai jalan mudah untuk menyelesaikan masalah. Dalam pada itu, sikap anggota masyarakat yang memandang serong terhadap golongan ini telah menambahkan lagi tekanan yang turut menjadi pemangkin kepada terjerumusnya mereka ke dalam kegiatan pelacuran.

Kenyataan (1-7) merupakan contoh dalam kalangan pelacur ketika disoalsiasat oleh pihak MAIK pada tahun 1916 dan 1921. Berdasarkan kenyataan tersebut menunjukkan mereka berstatus ‘buje’, tidak mempunyai pekerjaan dan menjadi pelacur samada secara sepenuh masa atau separuh masa bagi menyara kehidupan dan dalam masa yang sama menaruh harapan agar mendapat pasangan yang sesuai untuk berkahwin semula.

Dalam laporan MAIK dari 1916 sehingga 1941 juga dapat dikesan distribusi dan populasi pelacur di Kelantan amnya dan Kota Bharu khasnya.<sup>21</sup> Selain itu, latarbelakang pelacur turut dikesan ini termasuklah mengenai keturunan, umur, tempat asal, taraf pendidikan dan pekerjaan serta status perkahwinan dan keluarga. Berdasarkan laporan MAIK juga lokasi yang dijadikan sebagai tempat perhubungan pelacur-pelanggan adalah seperti rumah persendirian yang terletak di jalan Wakaf Siku, rumah pelacuran yang terletak di lorong Kubur, lorong Che Kadir dan jalan Pejabat Pos Lama serta rumah tumpangan dan hotel<sup>22</sup> Latarbelakang pelanggan seperti bangsa dan pekerjaan turut dicatat dalam laporan MAIK.<sup>23</sup> Para pelanggan boleh menempah dan mendapatkan pelacur secara langsung atau melalui orang tengah bergantung kepada kategori atau kelas pelacur dan tempat kegiatan mereka. Selain itu, laporan MAIK turut mencatatkan mengenai peranan orang tengah dalam kegiatan pelacuran,<sup>24</sup> yang dikenali sebagai baru.<sup>25</sup>

### b- Khalwat dan bersekedudukan

Selain pelacuran, masalah salah laku seksual yang dapat dikesan berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Kelantan ialah masalah khalwat dan bersekedudukan.<sup>26</sup> Berdasarkan laporan yang terdapat dalam fail MAIK pada 1920-an sehingga 1930-an pelbagai perkara dapat dikaitkan dengan khalwat dan bersekedudukan. Pertamanya, mengenai latarbelakang peribadi seperti distribusi dan keturunan, pekerjaan serta status perkahwinan dan keluarga. Sepanjang tempoh tersebut pihak MAIK telah menangkap seramai 111 orang yang terdiri daripada 56 orang lelaki dan 55 orang wanita. Lelaki Melayu berjumlah 31 orang, Cina 15 orang, dan India tujuh orang serta bangsa lain seramai tiga orang. Kesemua wanita berbangsa Melayu. Berdasarkan analisis ke atas 56 lelaki hanya 18 orang yang dapat dikenalpasti bidang pekerjaan mereka iaitu bernesiga, mata-mata (polis), petani, kerani, penarik beca, warder, imam, bomoh, buruh, tukang kasut dan peraih ikan. Analisis menunjukkan kalangan wanita seramai 16 orang berstatus janda dan usia perceraian mereka antara lima hari sehingga lebih kurang dua bulan.<sup>27</sup>

Laporan MAIK sepanjang 1920an sehingga 1930an juga menunjukkan terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya khalwat dan bersekedudukan. Antara faktor tersebut ialah pengabaian nafkah dan tanggungjawab,<sup>28</sup> kekurangan pengetahuan agama<sup>29</sup> dan masalah ekonomi.<sup>30</sup> Selain itu, terbongkarnya kes khalwat dan bersekedudukan kerana pelbagai

pihak tampil membuat laporan kepada pihak berkuasa. Pelapor terdiri dalam kalangan suami atau bekas suami,<sup>31</sup> keluarga atau bekas keluarga,<sup>32</sup> orang awam iaitu jiran<sup>33</sup> dan pihak berkuasa tempatan seperti imam atau penggawa.<sup>34</sup>

Mereka yang didapati bersalah kerana berkhalwat dan bersekedudukan akan dikenakan tindakan denda. Pada tahun 1922 misalnya seorang wanita Melayu yang berkhalwat dengan lelaki Cina didenda sebanyak \$48 tiap-tiap seorang.<sup>35</sup> Sementara itu pada tahun 1924, pasangan wanita dan lelaki Melayu didenda sebanyak \$25 seorang.<sup>36</sup> Pada 1932, kadar denda yang dikenakan setiap seorang ialah \$10 yakni berkang berbanding tahun sebelumnya.<sup>37</sup> Kadar ikat jamin yang dikenakan pada tahun 1923 berjumlah tiap-tiap seorang ialah \$100.<sup>38</sup> Berikut adalah contoh kenyataan yang dapat dikutip daripada kes khalwat dan bersekedudukan pada 1921, 1923 dan 1924.

### Kenyataan 1

*Perempuan ini saya telah simpan satu tahun lebih, bukannya semalam sahaja dan saya ditangkap semalam berdua dengan perempuan Mariam di atas rumah yang disewa oleh encik Ram dekat stesyen keretapi Kota Bharu itu. Maka dalam perkara ini saya mengaku salah. Saya bersekali itu seperti orang laki-bini.<sup>39</sup>*

### Kenyataan 2

*Selamah itu di dalam edah saya bercerai dengan dia lima hari sahaja. Saya dengar khabar dalam saya lagi Ismail bermain dengan bini saya, dan dia selalu minta bercerai. Bila bercerai dapati betul sungguh bermain yang demikian saya minta Tok Imam tangkap. Saya minta majlis dakwa.<sup>40</sup>*

### Kenyataan 3

*Adalah hamba datuk, encik Harun Imam Muda Surau Pendek dengan beberapa hormat dan takzim memaklumkan bahawasanya ada seorang perempuan nama Mek Senik tinggal di rumahnya sendiri di kampong Pendek keadaannya bujang (janda). Maka Mek Senik yang tersebut itu lamalah dah duduk (tinggal) berkhalwat dengan jandanya (bekas suami) nama Hamzah di rumah itu. Pada hal di antara keduanya tidak boleh ruju' lagi kerana telah tiga kali perceraiannya.<sup>41</sup>*

Tindakan yang dikenakan ke atas pesalah khalwat dan bersekedudukan berpandukan Notis no. 26 tahun 1916. Kewujudan notis berkenaan membuktikan MAIK, telah berusaha untuk menangani masalah khalwat

dan bersekedudukan yang melibatkan sebahagian kecil daripada kalangan masyarakat di Kelantan.

### c- Rogol

Laporan MAIK menunjukkan terdapat kes-kes rogol yang disebut sebagai bersetubuh dengan kekerasan,<sup>42</sup> buat jahat<sup>43</sup> dan berkhalwat rogol<sup>44</sup> Istilah tersebut bagi merujuk kepada perbuatan merogol seseorang. Menurut laporan MAIK lagi, dalam soal rogol, unsur paksaan terhadap mangsa menjadi penekanan yang secara langsung menjadi perbezaan dengan perbuatan zina yang mana perbuatan tersebut merupakan kerelaan kedua-dua belah pihak. Berbanding pelacuran, khalwat dan bersekedudukan tidak banyak laporan mengenai kes rogol. Namun begitu berdasarkan laporan, kes rogol dapat dikesan pada tahun 1919.<sup>45</sup> Menurut laporan berkenaan seorang lelaki telah ditangkap kerana dipercayai merogol seorang wanita. Menurut laporan itu lagi, wanita berkenaan mengalami kekerasan fizikal dan didapati hamil dengan usia kandungan lebih kurang enam bulan. Kes rogol berikutnya dapat dikesan pada tahun 1921 yang melibatkan seorang wanita berasal dari Bachok Kelantan.<sup>46</sup> Pada tahun 1924, pihak MAIK menerima laporan berkenaan pelaku yang berjawatan sebagai khatib yang cuba merogol seorang wanita.<sup>47</sup> Namun begitu, laporan berkenaan menunjukkan pelaku gagal merogol wanita berkenaan kerana suami wanita tersebut sempat pulang ke rumah dan berjaya menghalang kejadian tersebut daripada berlaku. Sungguh pun begitu, melalui saranan Imam Tua, jawatan pelaku sebagai khatib perlu diberhentikan atau dilucutkan.

Laporan pada tahun 1927, pula menunjukkan seorang bapa tiri telah merogol anak tirinya dan lebih malang lagi semasa kes ini sampai ke pengetahuan pihak MAIK, mangsa telah bersalin dan baharu habis tempoh berpantang.<sup>48</sup> Menurut laporan itu lagi, mangsa sendiri yang membuat laporan kepada pihak MAIK agar pelakunya menerima hukuman sewajarnya. Berdasarkan analisis terhadap laporan MAIK, jelas menunjukkan perbuatan rogol meninggalkan kesan yang besar terhadap mangsa rogol dari segi maruah dan emosi misalnya mangsa rogol tersebut berasa trauma terhadap kejadian yang menimpa dirinya.<sup>49</sup> Laporan juga menunjukkan berlaku kejadian rogol yang melibatkan pelaku dan mangsa dalam kalangan ahli keluarga terdekat antara bapa dan anak tiri.<sup>50</sup> Terdapat kes menunjukkan laporan yang dibuat setelah mangsa mengandung<sup>51</sup> dan ada yang telah bersalin.<sup>52</sup> Ini menunjukkan wanita menjadi mangsa keadaan seperti kata pepatah Melayu “Harapkan pagar-pagar makan padi dan “Nasi telah menjadi bubur”.

## Notis No. 26 Tahun 1916

Di Kelantan, kawalan terhadap kegiatan maksiat amnya dan pelacuran khasnya telah lama diusahakan oleh pihak MAIK dengan kerjasama daripada pihak Polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Bandaran, kerajaan negeri serta anggota masyarakat sejak sebelum Perang Dunia Kedua. Kawalan yang dimaksudkan bukan setakat undang-undang bahkan merangkumi plan tindakan, memorandum, serbuan dan tangkapan, pemulihan, pemantauan dan pendidikan. Sehingga menjelang perang Dunia Kedua undang-undang yang digunakan untuk membasmi masalah salah laku seksual amnya dan pelacuran khasnya meliputi *Notis*, *Pemberitahu* dan *Cadangan*.<sup>53</sup> Tindakan undang-undang telah meninggalkan kesan yang positif daripada segi tangkapan misalnya, ramai pelacur telah ditangkap. Angka-angka tangkapan di jajahan Kota Bharu bagi tahun 1916, 1917, 1921 dan 1937 berjumlah seramai 149 orang.<sup>54</sup> Terdapat pelbagai Notis diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri kepada MAIK. Antara notis tersebut ialah *Notis no. 5 tahun 1916 “Perkara yang berkenaan dengan laki-laki dan perempuan jahat”*<sup>55</sup>, *Notis no. 26 tahun 1916 “Perkara yang berkenaan laki-laki dan perempuan jahat”*<sup>56</sup>, *Notis no. 3 tahun 1919 “Hukuman di atas perempuan jahat dan segala orang yang jadi barua”* dan *Notis no. 7 tahun 1919 “Pembaiki pada notis no. 3 tahun 1919 dari pasal hukuman di atas perempuan jahat dan segala orang yang jadi barua”*.<sup>57</sup> Notis-notis tersebut bertujuan mengawal masalah salah laku seksual seperti pelacuran, khalwat dan berskedudukan.


Kewujudan pelbagai notis menunjukkan bahawa sejak ia ditubuhkan pada tahun 1915 MAIK, telah berusaha untuk menangani masalah salah laku seksual yang melibatkan sebahagian kecil daripada masyarakat Melayu Islam di Kelantan pada sebelum perang Dunia Kedua. Sungguh pun terdapat pelbagai peraturan, namun perbincangan di dalam artikel ini memfokuskan kepada Notis no. 26 tahun 1916.

Pada tahun 1916, dua buah notis berhubung dengan kegiatan pelacuran telah diluluskan oleh kaunsil negeri bagi dikuatkuasakan dan dilaksanakan oleh MAIK. Notis pertama ialah *Notis no. 5 tahun 1916* yang bertujuan mengawal kegiatan pelacuran.<sup>58</sup> Pada tahun tersebut juga, sebuah lagi notis telah diluluskan iaitu *Notis no. 26 tahun 1916*. Notis berkenaan mengenai kuasa MAIK khususnya berhubung dengan kegiatan khalwat dan pelacuran. Berikut mengenai notis *Notis no. 26 tahun 1916*;

Kerajaan Kelantan

Notis nombor 26 tahun 1916

Perkara yang berkenaan dengan laki-laki dan perempuan jahat



Sumber: MAIK, 135/16, hlm.4.

## Kerajaan Kelantan

Notis nombor 26 tahun 1916

Perkara yang berkenaan dengan laki-laki dan perempuan jahat.

Bahawasanya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Yang Ke IV (K.S.M.J) Yang Di Pertua Negeri Kelantan serta segala daerah jajahannya di dalam perhimpunan Mesyuarat Council pada hari ini mengeluarkan titah pada menentukan kuasa "Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu bagi menjalankan segala perkara yang khas bagi laki-laki dan perempuan jahat iaitu:

1. Berkuala majlis menangkap dengan tiada berwaran iaitu dengan kuasanya sendiri atau dengan pertolongan mata-

- mata akan laki-laki dan perempuan yang berkhawat yang ditegah oleh Syariat Muhammadiyah.
2. Berkusa majlis memanggil dan menegahkan laki-laki dan perempuan yang melakukan perangai, kelakuan, perbuatan, perkataan, kedudukan, perjalanan dan pekerjaan yang menjadi kekejadian dan yang menghilangkan maruah.
  3. Berkusa majlis menghalaukan perempuan yang masyhur kejahatannya dan lagi barua daripada menduduki di dalam mana-mana bandar negeri dan jajahan Kelantan.
  4. Maka laki-laki atau perempuan yang termasuk di bawah kuasa notis ini melanggar perintah majlis di dalam segenap perkara yang dikuasakan kepada majlis boleh ditangkap akan dia dan bolehlah dihukumkan oleh mahkamah dengan denda tidak lebih daripada \$100 atau dengan hukuman jil tidak lebih daripada enam bulan atau pun dengan kedua dua hukuman itu sekali.

Secara ringkasnya *Notis no. 26 tahun 1916*, “*Perkara yang berkenaan dengan laki-laki dan perempuan jahat*” menentukan kuasa MAIK dalam menangani masalah sosial dan moral. Menurut notis berkenaan, MAIK berkuasa menangkap tanpa waran, memanggil dan menegah lelaki atau perempuan yang tidak bermoral, menghalau pelacur dan orang tengah dari jajahan atau negeri Kelantan serta menjatuhkan hukuman denda dan penjara. Sebelum menjelang Perang Dunia Kedua, wujud masalah sosial di Kelantan seperti masalah khalwat dan bersekedudukan, pelacuran, rogol, ajaran sesat dan murtad.<sup>59</sup>

Di Kelantan, khalwat dan bersekedudukan masih merupakan satu isu yang sensitif untuk diperkatakan. Namun begitu berdasarkan laporan bertulis MAIK isu tersebut telah dikesan sejak sebelum tahun 1920-an. MAIK berkuasa menangkap mereka yang berkhawat sebagaimana yang termaktub dalam *Notis no. 26 tahun 1916* yang menyebut mengenai perkara tersebut pada para pertama, “*Berkusa Majlis menangkap dengan tiada berwaran iaitu dengan kuasanya sendiri atau dengan pertolongan mata-mata akan laki-laki dan perempuan yang berkhawat yang ditegah oleh Syariah Muhammadiyah*”.

Dalam para dua pula menjelaskan, “*Berkusa Majlis memanggil dan menegahkan laki-laki dan perempuan yang melakukan perangai, kelakuan, perbuatan, perkataan, kedudukan, perjalanan dan pekerjaan yang menjadi kekejadian dan yang menghilangkan maruah*”. Peruntukan dalam para ini lebih berbentuk umum. Namun, jika merujuk kepada perangai misalnya, seseorang perempuan itu boleh dianggap sebagai ‘perempuan jahat’ sekiranya mereka melakukan salah satu daripada empat perkara berikut iaitu berada di luar rumah selepas pukul 12.00 malam; berada di dalam kedai kopitiam; tinggal atau menginap di hotel atau rumah tumpangan sedangkan di kawasan berhampiran

terdapat kediaman rumah yang lain serta bertepuk-tampar (bergurau senda) dengan lelaki yang bukan muhrim<sup>60</sup>

Setelah dipanggil oleh pihak MAIK, perempuan yang melakukan salah satu daripada perkara tersebut akan diambil keterangan. Antara yang ditanya oleh pihak MAIK ialah mengenai latarbelakang perempuan berkenaan seperti status perkahwinan dan keluarga serta pekerjaan. Sekiranya didapati mereka tidak mempunyai suami dan tiada pekerjaan maka mereka akan dituduh sebagai ‘perempuan jahat’ kerana tergolong dalam salah satu daripada empat kriteria tersebut. Secara logiknya, pada waktu itu perempuan yang baik tidak akan berada di luar rumah tanpa ditemani suami atau muhrim terutamanya pada lewat malam.

Berdasarkan para dua notis tersebut memberi kuasa penuh kepada pihak MAIK untuk bertindak mencegah maksiat dalam kalangan orang Islam di Kelantan. Namun begitu sebagai sebuah masyarakat yang turut dihuni oleh pelbagai kaum yang mengamalkan adat resam dan kebudayaan berbeza turut menjelaskan penguatkuasaan dan merupakan halangan besar dalam penguatkuasaan kerana tidak ada peruntukan yang membolehkan kaum bukan Melayu didakwa.

Para tiga pula mengenai kuasa MAIK menghalau pelacur dan orang tengah. Menurut para ini, “*Berkuasa majlis menghalaukan perempuan yang masyhur kejahatannya dan lagi barua daripada menduduki di dalam mana-mana bandar negeri dan jajahan Kelantan*”.<sup>61</sup>

Para empat mengenai kadar dan bentuk hukuman yang dikenakan kepada mereka yang melanggar notis berkenaan. Para ini menyebut,

“*Maka laki-laki atau perempuan yang termasuk di bawah kuasa notis ini melanggar perintah Majlis di dalam segenap perkara yang dikuasakan kepada Majlis boleh ditangkap akan dia dan bolehlah dihukumkan oleh mahkamah dengan denda tidak lebih daripada \$100 atau dengan hukuman jil tidak lebih daripada enam bulan atau pun dengan kedua-dua hukuman itu sekali*”.

Berdasarkan para tiga dan empat memberi kuasa kepada pihak MAIK menangani masalah pelacuran di Kelantan. Pelacur yang dianggap ‘masyhur’ akan dihalau keluar dari jajahan dan negeri Kelantan. Selain itu, *ibu ayam* yang merupakan orang perantaraan dalam kegiatan pelacuran turut tidak terkecuali daripada menerima hukuman. Selain itu, mereka yang tidak mematuhi hukuman berkenaan mereka dikenakan denda dengan kadar yang tinggi pada waktu itu iaitu tidak lebih \$100. Mereka juga boleh dihukum penjara selama enam bulan atau berdepan dengan kedua-dua hukuman iaitu denda dan penjara.

Hukuman yang dianggap berat ini sebagai salah satu usaha MAIK, menjaga kesucian agama Islam. Hal ini perlu dibendung ini kerana *Penyata MAIK* pada 1917 telah memberi gambaran tentang pelacur di Kelantan sebagai,

“...dikatakan seperti kawan2 kambing yang tiada berasa malu aib kepada sesiapa2 sekalipun...”<sup>62</sup> Menurut Setiausaha MAIK iaitu Megat Osman, punca penularan masalah salah laku seperti pelacuran adalah kerana:

“...tidak lain menyatakan kejahatan yang telah terbiar daripadanya awal2nya yakni kejahatan yang kerajaan tidak ada mengambil tahu pada hal di dalam negeri Islam yang seperti Kelantan ini berkuasa memerintahnya menjalankan berbagai2 hukuman mengikut syariah yang boleh menyeka dan memberhentikan sekalian maksiat...”<sup>63</sup>

Kenyataan Setiausaha MAIK menggambarkan masalah tersebut tidak ditangani pada peringkat awal. Kesedaran untuk menanganinya secara lebih tersusun dilakukan setelah masalah semakin ketara. Pembukaan ladang getah dan pembinaan landasan kereta api yang melibatkan kemasukkan pekerja berbangsa Cina dan India ke Kelantan menambahkan masalah yang sedia ada. Tambahan pula, pada masa tersebut tiada lagi undang-undang yang mencegah dan mengawal perbuatan tidak bermoral daripada terus berleluasa.<sup>64</sup> Kemasukan tenaga buruh terutamanya buruh Cina dan India sebelum Perang Dunia Kedua semakin menggalakkan dengan pembukaan ladang dan lombong. Justeru, bagi mengekalkan tenaga buruh tersebut, pengurus ladang telah menggalakkan kehadiran pelacur di ladang mereka. Lantaran itu, “...orang2 Hindu dan Cina yang menggunakan perempuan Islam...”<sup>65</sup> disebabkan oleh bilangan imigran lelaki dan wanita yang tidak seimbang di Kelantan.<sup>66</sup> Sehubungan dengan itu, Sultan Kelantan meminta R.J. Ferar supaya menggubal undang-undang dan notis berkenaan pelacur atau perempuan jahat dan menegah orang India dan Cina daripada menggunakan khidmat wanita Islam untuk memuaskan nafsu mereka.<sup>67</sup>

Selain pelacuran, fail *Pejabat Balai Besar* tahun 1914 turut melaporkan berkenaan dengan ramai daripada kalangan orang Islam yang terlibat dengan permainan judi *hua-hui*.<sup>68</sup> Berhubung dengan orang Islam yang meminum arak pula, Sultan Kelantan telah meminta supaya Kapten H.A. Anderson bertindak tegas terhadap orang Islam yang meminum arak.<sup>69</sup> Masalah sosial di Kelantan juga telah digambarkan oleh Abdullah Munsyi semasa pelayarannya ke sana. Beliau menyatakan bahawa, “...kebanyakan orang menyabon<sup>70</sup> dan berjudi dan bermadat. Bermula, maka di antara saratus orang tiada dua orang yang mengerjakan pekerjaan agama seperti sembahyang dan mana pekerjaan yang difardhukan Allah atas-nya.”<sup>71</sup> Selain itu, terdapat juga beberapa peristiwa yang menunjukkan amalan syirik, khurafat dan bidaah yang masih berleluasa di Kelantan ketika itu. Abdullah Munsyi ada menggambarkan bagaimana ‘gelagat’ Tengku Temena<sup>72</sup> yang membaca pelbagai jampi serapah ke atas kapal rombongan Abdullah Munsyi sebelum mereka belayar pulang ke Singapura. Setelah selesai upacara tersebut, Tengku Temena berkata, “...sekarang tiada mengapa dan satu bahaya pun tiada tetapi ada juga mendapak susah sedikit;

*tiada mengapa. Dayunglah semua sekali*".<sup>73</sup> Lantaran itu, walaupun negeri Kelantan merupakan pusat pengajian Islam yang terkemuka, masalah sosial tetap berlaku. Hal ini kerana, sebahagian daripada masyarakat Islam Kelantan rapuh pegangan agamanya dan buta ajaran Islam.

Faktor-faktor tersebut menggambarkan kemerosotan mutu pengurusan hal ehwal Islam di Kelantan. Keadaan tersebut menyebabkan kawalan terhadap masyarakat Islam agak longgar dan seterusnya menyebabkan masalah sosial semakin menjadi-jadi walaupun negeri berkenaan dikenali sebagai "Serambi Makkah". Justeru, aspek pentadbiran hal ehwal Islam telah ditransformasikan oleh golongan intelejensi di Kelantan demi kebaikan dan kepentingan masyarakat Islam kerana agama Islam dan istiadat Melayu dari segi perundangannya tidak boleh diganggu gugat oleh British melalui penasihatnya di Kelantan.

Pada 1919, notis no. 3 mengenai Jenis-jenis hukuman ke atas pelacur dan ibu ayam diperkenalkan. Selain itu pada 1922 sebuah pemberitahu turut diisyiharkan yang berkaitan isu tegahan di atas kebenaran laki-laki atau perempuan jahat menumpang atau menyewa dan nasihat kepada mereka itu mengikut notis kerajaan no. 5 dan 26 tahun 1916. Selain notis dan pemberitahu, sebuah cadangan telah dikemukakan pada 1931 yang bertujuan melaksanakan semua tindakan undang-undang terhadap perempuan jahat. Penguatkuasaan di dalam bentuk undang-undang telah dikemaskinikan pada selepas Perang Dunia Kedua. Sepanjang tahun 1950an sehingga 1970an terdapat beberapa perubahan terhadap undang-undang yang digunakan oleh orang Islam. Undang-undang Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Mahkamah Kadi No. 1 Tahun 1953 telah berkuatkuasa sehingga dimansuhkan dan digantikan dengan undang-undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Negeri Kelantan No. 1 Tahun 1966 serta undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan No. 2 Tahun 1966. Undang-undang tersebut berjalan hampir 20 tahun.<sup>74</sup>

## Kesimpulan

Konklusinya, seorang wanita Melayu Islam itu boleh tercebur ke lembah pelacuran kerana beberapa sebab yang saling berkaitan. Kurang penghayatan agama kerana pendidikan yang tidak sempurna menyumbang kepada masalah sosial amnya dan salahlaku seksual seperti pelacuran khasnya. Di Kelantan kegiatan pelacuran telah dapat dikesan sejak suku pertama abad ke 19. Sehingga menjelang perang Dunia Kedua kegiatan tersebut gagal dibasmi sepenuhnya walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh pihak MAIK. Taraf pendidikan yang rendah hanya melayakkan kaum wanita bekerja di sektor *informal* dan terdapat dalam kalangan mereka yang tidak pernah bekerja. Kebanyakan daripada mereka pula telah berkahwin pada usia muda dan perkahwinan tersebut berakhir dengan perceraian. Mereka menceburi kegiatan

pelacuran kerana desakan kewangan. Ini tidaklah menghairankan kerana mereka datangnya daripada keluarga miskin dan terpaksa menanggung anak-anak serta ibu bapa. Pendapatan dalam sektor pertanian pula tidak tetap. Malah ada dalam kalangan mereka yang tidak mempunyai pekerjaan. Perceraian dan desakan kewangan dikenalpasti sebagai faktor utama yang menjerumuskan mereka ke dalam kegiatan pelacuran selain faktor keruntuhan moral. Selain pelacuran, pada 1920an sehingga 1930an laporan MAIK menunjukkan seseorang wanita Melayu Islam itu berkhalwat dan bersekedudukan kerana pelbagai faktor antaranya kegagalan suami memberi nafkah dan menunaikan tanggungjawab, kekurangan pengetahuan agama dan tuntutan nafsu yang tidak terkawal khasnya yang menjurus kepada kebendaan. Mereka yang berstatus janda dan beragama Islam itu tiada tempat berlindung dan bergantung harap mudah hilang pedoman untuk menentukan hala tuju hidup mereka. Pasangan mereka pula terdiri dalam kalangan yang mempunyai latarbelakang pekerjaan yang baik.

Notis No. 26 Tahun 1916 menjadi panduan kepada MAIK dalam melaksanakan pencegahan dan menangani masalah pelacuran, khalwat dan bersekedudukan dalam kalangan masyarakat Islam Kelantan. Namun begitu perlu difahami yang MAIK bukanlah institusi yang menjatuhkan hukuman terhadap pesalah salah laku seksual walaupun dalam notis tersebut menjelaskan hukuman yang dikenakan kepada mereka yang disabitkan dengan sesuatu kesalahan melibatkan masalah sosial. Hal ini kerana tugas tersebut diserahkan kepada pihak Mahkamah Syariah dan Mahkamah Qadi. Peranan MAIK dalam hal tersebut amat penting kerana salah satu sebab penubuhan institusi tersebut adalah kerana berleluasannya masalah sosial dalam kalangan masyarakat Islam. Justeru, notis yang dijadikan panduan olehnya melibatkan beberapa tahap perlaksanaan yang bersesuaian dengan keadaan masyarakat pada masa tersebut. Nasihat dan amaran merupakan tahap pertama sebelum tindakan yang lebih keras dikenakan kepada pelaku masalah sosial. Keadaan tersebut adalah bagi memberi peluang kepada mereka yang terlibat supaya kembali semula ke pangkal jalan. Dari satu segi, tahap tersebut menunjukkan bahawa agama Islam melalui notis yang dilaksanakan oleh MAIK menekankan nilai toleransi yang tinggi terhadap mereka yang terlibat dengan masalah sosial. Masalah salah laku seksual ini perlu diatasi dan selain peranan MAIK, masyarakat perlu memberi pendidikan agama kepada anak-anak lelaki dan perempuan sejak daripada mereka kecil. Sebagaimana pepatah Melayu menyatakan kalau hendak “Melentur buluh maka biarlah dari rebungnya”. Penyakit sosial ini jika dibiarkan ia akan menjadi duri dalam daging. Adalah lebih baik “Mencegah daripada mengubati” kerana jika sudah terlambat, tidak berguna lagi untuk menangisi “Nasi yang telah menjadi bubur”.

## Nota Akhir

1. Sila lihat, Abdul Razak Mahmud, *MAIK: Peranannya dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan, dan Penerbitan di Kelantan sehingga 1990*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010, hlm. xi.
2. *Ibid.*, hlm. 219-210.
3. Haryati Hasan et.al. “Masalah Sosial di Kelantan Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Analisis berdasarkan laporan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)”. Dlm. *Research Acculturation Grant Scheme (RAGS)* (2013-0151-107-72), Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015, hlm. 12.
4. Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Kesah Pelayaran Abdullah*, Singapore: Malaya Publishing House Limited, 1928, hlm. 78.
5. *MAIK*, 406/37, “Perempuan-perempuan sundal dalam bandar Kota Bharu”.
6. *MAIK*, 156/38, “Menerangkan ada sebuah rumah dua lapis Wakaf Siku mukim Langgar ada berhimpun perempuan-perempuan bujang yang menjadi bising kepada orang yang berhampiran dengan rumah itu diminta supaya dipadamkan perbuatan dan kelakuan perempuan-perempuan itu kerana kehadiran yang membawa keluahan yang melanggar hukum agama dan lain-lain”, hlm. 1 dan *MAIK*, 43/17, “Berkenaan perempuan jahat”, hlm. 47.
7. *MAIK*, 135/16, “Berkenaan dengan perempuan tua yang menjadikan barua titahnya minta diberhentikan mereka yang semacam itu daripada menjalankan pekerjaannya”, hlm. 4
8. *MAIK*, 361/22, “Berkenaan dengan memberi notis kepada tempat perempuan duduk di dalam kawasan bandar”.
9. *MAIK*, 280/31, “Cadangan hendak dijalankan semua kuasa berkenaan dengan perempuan jahat itu kerana pada masa ini terlampaui banyak pada merata tempat bandar dan daerah”, hlm. 1.
10. *Annual Report Medical Department Kelantan*, 1930, hlm. 7 dan *Annual Report Medical Department Kelantan*, 1931, hlm. 6.
11. Tok Kenali, “Persundalan”, *Surat Persendirian Za ’ba*, SP18/1B/188, 30 Disember 1921, hlm.5.
12. Haryati Hasan, “Pelacuran Wanita Melayu Kelantan Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Cerakinan Sebab-Musabab”, *Jurnal Ilmu Kemanusiaan*, 8, 2001, 35-54.
13. Haryati Hasan et.al. “Masalah Sosial di Kelantan Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Analisis berdasarkan laporan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)”, 2015, lm. 92.
14. *Ibid.*, hlm. 95.
15. Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, hlm. 78.
16. Tok Kenali, hml. 4-5.

17. Terdapat seramai 44 orang wanita yang ditangkap tetapi hanya 26 orang kenyataannya dapat dianalisa kerana situasi laporan yang berada dalam keadaan kurang baik.
18. Laporan MAIK pada tahun 1921 mengandungi sebanyak 23 kenyataan mengenai orang tengah atau barua dan pelanggan serta pelacur. Sebanyak dua kenyataan pelacur diambil sebagai contoh atau yang relevan dengan tajuk perbincangan.
19. Tok Kenali, hlm.5.
20. *Ibid.*
21. *MAIK, 43/17, “Berkenaan perempuan jahat”.*
22. *MAIK, 156/38.*
23. *MAIK, 6/22, ““Report telah tangkap sekelamin perempuan jahat yang berkhalwat”.*
24. *MAIK, 262/22, Minta hukuman hendak dijalankan di atas seorang yang bernama Saleh bin Midin kampong Kelubi yang telah melakukan pekerjaan barua perempuan jahat di dalam bandar Pasir Putih”.*
25. *MAIK, 135/16.*
26. Haryati Hasan, et.al. “Masalah Sosial di Kelantan Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Berdasarkan Laporan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)”, 2015, hlm. 103-105.
27. Analisis fail MAIK pada 1920an sehingga 1930an.
28. Sila lihat fail *MAIK, 302/20, “Tangkap seorang perempuan bernama Yah binti Mohd. berkhalwat dengan seorang Cina berbangsa Hailam; MAIK, 358/22, “Report yang dia telah tangkap perempuan jahat bernama Mek Mas berkhalwat dengan mata-mata polis bernama Mohd. Dahangsal sebelah matahari jatuh tangkap pada malam Jumaat 23/11/22 pukul 1.20”* dan *MAIK, 163/25, “Report telah menangkap perempuan yang berkhalwat dengan laki-laki di dalam hotel Pasir Mas pada pukul 9.00 malam”.*
29. *MAIK, 99/21, “Report seorang hendakkan mengutip tiket keretapi berkhalwat dengan seorang perempuan yang telah ditangkap malam 7/3/21 pada pukul 1.00 pagi”; MAIK, 6/22, “Report telah tangkap sekelamin perempuan jahat yang berkhalwat”.*
30. *MAIK, 25/21, “Report bininya yang telah diceraikan di dalam edah sekarang duduk berkhalwat dengan Muda warder Jel di Tumpat, perempuan itu namanya Mek Jah”; MAIK, 68/24, “Report seorang perempuan bernama Mek Senik duduk berkhalwat dengan jandanya Hamzah di rumahnya sendiri di kampong Pendek telah dinasihat beberapa kali”* dan *MAIK, 155/25, “Berkenaan dengan menangkap dua kelamin perempuan yang berkhalwat di dalam bandar Kota Bharu”.*
31. *MAIK, 172/23 “Report yang telah tangkap sekelamin perempuan jahat yang berkhalwat bernama Selamah binti Mamat berkhalwat*

- dengan Ismail bin Ali hujung Tanjong Tumpat tangkap pukul 9 ½ malam 16/7/23”.
32. *MAIK*, 108/24, “Report yang telah tangkap perempuan jahat yang berkhawat di Kuala Krai pada Jumaat 3/4/24 serta minta bawa bicara di Kota Bharu” dan *MAIK*, 146/33, “Ahmad bin Saleh bekas menantunya bawa seorang perempuan bernama Fatimah binti Wan Chik atau Tuk Ahmad duduk berkhawat di rumah Minah diminta majelis jalankan ke atasnya”.
33. *MAIK*, 134/23, “Report pasal bininya bernama Fatimah berkhawat dengan seorang mata-mata no.315 Padang Garong pada hari Rabu 30/5/23” dan *MAIK*, 298/38 “Report seorang perempuan berkhawat dengan seorang laki-laki nama Mat Isa di Bukit Cina”.
34. *MAIK*, 411/38, “Report seorang bernama Senik berkhawat dengan seorang perempuan Cina di kampung China diminta majlis menjalankan apa-apa hukuman mereka itu kerana ditegah oleh hukuman syara”.
35. *MAIK*, 338/22, “Report telah tangkap perempuan jahat bernama Aishah binti Jusoh yang berkhawat dengan China Siong di kampung China pada malam 6/11/22 pukul 12 ½ “
36. *MAIK*, 22/24, “Hantar dua orang salah pasal berkhawat Ibrahim bin Salam dengan perempuan Che Som binti Ibrahim kampong Berangan tangkap oleh Osman di berek jel pukul 1.00 malam”.
37. *MAIK*, 166/32, “Report seorang perempuan bernama Membunga binti Saleh dan Embun binti Kejing duduk berkhawat seperti laki bini dengan Ya’akub dan Daud padahal kedua perempuan itu bini orang”.
38. *MAIK*, 256/23, “Pasal tangkap sekelamin perempuan yang berkhawat di dalam kapal di Tanah Merah pada pukul 10.00 malam 27/10/23”.
39. *MAIK*, 99/21.
40. *MAIK*, 172/23.
41. *MAIK*, 68/24.
42. *MAIK*, 184/19, “Berkenaan dengan seorang nama Soleh bin Awang telah ditangkap kerana kesalahan melakukan (rogol) bersetubuh dengan perempuan nama Maryam binti Mat Zain dengan kekasaran hingga sampai perut besar lebih kurang enam bulan.
43. *MAIK*, 362/21, “Berkenaan dengan perempuan jahat Sopiah berkhawat dengan Husin. Sopiah binti Awang Su ditangkap di Bachok”.
44. *MAIK*, 117/27, “Report seorang nama Derahman bin Musa Kampung Menjual berkhawat dengan anak tirinya nama Mek Selamah binti Umar sehingga bunting dan beranak baharu lepas 40 hari Selamah ini menuntut hendak didakwa di atas Derahman itu”.
45. *MAIK*, 184/19.
46. *MAIK*, 362/21.

47. *MAIK*, 238/24, “Report pasal Khatib Said Umar Surau Tebing Tinggi itu telah memegang perempuan Mek Yah binti Jusoh kerana hendak membuat jahat pada malam Isnin 23 Safar 1343 waktu jam pukul 7 ½ beserta Imam Tua minta berhentikan daripada jawatan Khatib ini”.
48. *MAIK*, 117/27.
49. *MAIK*, 362/21.
50. *MAIK*, 117/27.
51. *MAIK*, 184/19.
52. *MAIK*, 117/27.
53. Haryati Hasan et.al. “Masalah Sosial di Kelantan Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Berdasarkan Laporan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)”, 2015, hlm. 108. Sila lihat fail *MAIK*, 135/16; 43/17; 62/22 dan 406/37.
54. *MAIK*, 1/1916, “Jawab notis Majlis minta keluar perundangan jahat”, hlm. 2.
55. *MAIK*, 135/16, hlm. 8.
56. *MAIK*, 262/1922.
57. *Pejabat Menteri Kelantan*, 3/16, “Berkenaan dengan perempuan jahat”, hlm. 2.
58. Haryati Hasan et.al., “Masalah Sosial di Kelantan Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Berdasarkan Laporan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)”, 2015, hlm. 108-120.
59. Analisa daripada kenyataan para pelacur seperti yang dikutip daripada fail *MAIK*, 135/16.
60. Notis no. 3 tahun 1919 menjelaskan secara terperinci mengenai hukuman ke atas pelacur dan orang tengah (barua).
61. *Penyata MAIK*, 1917, hlm. 14.
62. *Pejabat Menteri Kelantan*, 63/1920, “Berkenaan dengan perempuan-perempuan jahat dan seorang yang bernama Minah binti Jusoh masuk kepada ugama Cina”, hlm. 2.
63. *MAIK*, 128/1936, “Minta Keterangan Siapakah yang Telah Dikuasakan Menangkap Perempuan2 Jahat di dalam Negeri Kelantan”, hlm. 2.
64. *Pejabat Balai Kelantan*, 237/1915, “Berkenaan dengan Perempuan Jahat dan orang2 Hindu dan Cina menggunakan perempuan Islam dan mengadakan undang2 menegahkan baginya”, hlm. 1.
65. R.L. Winzeler, “The Rural Chinese of the Kelantan Plain”. *JMBRAS*. 54 (3), 1981, hlm. 4.
66. *Pejabat Balai Kelantan*, 237/1915, hlm. 1.
67. *Pejabat Balai Kelantan*, 336/1914, “Surat notis berkenaan judi Huahui”, hlm. 1.
68. *Pejabat Balai Kelantan*, 196/1915, “Pasal orang2 Islam minum arak”, hlm. 1.

70. Untuk keterangan lanjut berkenaan dengan penyabungan ayam di Kelantan, sila lihat Mohd Shukri Yusoff, "Penyabungan ayam". *Monograf Warisan Kelantan XX*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 2007, hlm. 18-43.
71. Kassim Ahmad, *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1964, hlm. 89. Untuk keterangan lanjut tentang gambaran Abdullah Munsyi berkenaan masyarakat Melayu Kelantan, sila lihat Abu Hanifah Haris, 2009/2010. "Teks Kisah Pelayaran Abdullah dan Masyarakat Melayu Kelantan". Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
72. Tengku Temena merupakan pembesar yang menguasai jajahan Sabak ketika pelayaran Abdullah Munsyi ke Kelantan. Jajahan Sabak telah dikuniakan oleh Sultan Kelantan kepadanya dan beliau bertanggungjawab untuk mentadbir dan menjaga kebijakan penduduk di kawasan tersebut. Lihat Lihat Anker Rentse, 1934. "History of Kelantan". *JMBRAS*, 12 (2), hlm. 61.
73. Kassim Ahmad, hlm. 75.
74. Harryati Hasan, "Langkah-Langkah Pencegahan Pelacuran dari Pasca Kemerdekaan hingga 1970-an di Kelantan, Malaysia", *PERSPEKTIF Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 2(2), 2010, 53.

## Rujukan

- Abdullah bin Abdul Kadir Munshi. 1928. *Kesah Pelayaran Abdullah*. Singapore: Malaya Publishing House Limited.
- Abdul Razak Mahmud. 2010. *MAIK: Peranannya dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan, dan Penerbitan di Kelantan sehingga 1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hanifah Haris. 2009/2010. "Teks Kisah Pelayaran Abdullah dan Masyarakat Melayu Kelantan". Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Annual Report Medical Department Kelantan*. 1930 dan 1931.
- Haryati Hasan. 2001. "Pelacuran Wanita Melayu Kelantan Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Cerakinan Sebab-Musabab", *Jurnal Ilmu Kemanusiaan*, 8, 35-54.
- Haryati Hasan. 2010. "Langkah-Langkah Pencegahan Pelacuran dari Pasca Kemerdekaan hingga 1970-an di Kelantan, Malaysia". *PERSPEKTIF Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 2(2), 51-60.
- Haryati Hasan et al. 2015. "Masalah Sosial di Kelantan Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Berdasarkan Laporan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)". *Research Acculturation Grant*

- Scheme (RAGS). ( 2013-0151-107-72). Kementerian Pendidikan Malaysia.*
- Kassim Ahmad. 1964. *Kisah Pelayaran Abdullah*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- MAIK, 1/1916. "Jawab notis Majlis minta keluar perundangan jahat".*
- MAIK, 135/16. "Berkenaan dengan perempuan tua yang menjadikan barua titinya minta diberhentikan mereka yang semacam itu daripada menjalankan pekerjaannya".*
- MAIK, 43/17. "Berkenaan perempuan jahat".*
- MAIK, 184/19. "Berkenaan dengan seorang nama Soleh bin Awang telah ditangkap kerana kesalahan melakukan (rogol) bersetubuh dengan perempuan nama Maryam binti Mat Zain dengan kekasaran hingga sampai perut besar lebih kurang enam bulan".*
- MAIK, 302/20. "Tangkap seorang perempuan bernama Yah binti Mohd. berkhawat dengan seorang Cina berbangsa Hailam".*
- MAIK, 25/21. "Report bininya yang telah dicerai di dalam edah sekarang duduk berkhawat dengan Muda warden Jel di Tumpat, perempuan itu namanya Mek Jah".*
- MAIK, 99/21. "Report seorang hendakkan mengutip tiket keretapi berkhawat dengan seorang perempuan yang telah ditangkap malam 7/3/21 pada pukul 1.00 pagi".*
- MAIK, 125/21. "Berkenaan dengan empat orang perempuan jahat melakukan kejahatan".*
- MAIK, 362/21, "Berkenaan dengan perempuan jahat Sopiah berkhawat dengan Husin. Sopiah binti Awang Su ditangkap di Bachok".*
- MAIK, 6/1922. "Report telah tangkap sekelamin perempuan jahat yang berkhawat".*
- MAIK, 262/22. "Minta hukuman hendak dijalankan di atas seorang yang bernama Saleh bin Midin kampong Kelubi yang telah melakukan pekerjaan barua perempuan jahat di dalam bandar Pasir Putih".*
- MAIK, 338/22. "Report telah tangkap perempuan jahat bernama Aishah binti Jusoh yang berkhawat dengan China Siong di kampong China pada malam 6/11/22 pukul 12 ½ ".*
- MAIK, 358/22. "Report yang dia telah tangkap perempuan jahat bernama Mek Mas berkhawat dengan mata-mata polis bernama Mohd. Dahangsal sebelah matahari jatuh tangkap pada malam Jumaat 23/11/22 pukul 1.20".*
- MAIK, 134/23. "Report pasal bininya bernama Fatimah berkhawat dengan seorang mata-mata no.315 Padang Garong pada hari Rabu 30/5/23".*
- MAIK, 172/23. "Report yang telah tangkap sekelamin perempuan jahat yang berkhawat bernama Selamah binti Mamat berkhawat dengan Ismail bin Ali hujung Tanjung Tumpat tangkap pukul 9 1/2 malam 16/7/23".*

- MAIK, 256/23. "Pasal tangkap sekelamin perempuan yang berkhawat di dalam kapal di Tanah Merah pada pukul 10.00 malam 27/10/23".
- MAIK, 22/24. "Hantar dua orang salah pasal berkhawat Ibrahim bin Salam dengan perempuan Che Som binti Ibrahim kampong Berangan tangkap oleh Osman di berek jel pukul 1.00 malam".
- MAIK, 68/24. "Report seorang perempuan bernama Mek Senik duduk berkhawat dengan jandanya Hamzah di rumahnya sendiri di kampong Pendek telah dinasihat beberapa kali".
- MAIK, 108/24. "Report yang telah tangkap perempuan jahat yang berkhawat di Kuala Krai pada Jumaat 3/4/24 serta minta bawa bicara di Kota Bharu".
- MAIK, 238/24. "Report pasal Khatib Said Umar Surau Tebing Tinggi itu telah memegang perempuan Mek Yah binti Jusoh kerana hendak membuat jahat pada malam Isnin 23 Safar 1343 waktu jam pukul 7 ½ berserta Imam Tua minta berhentikan daripada jawatan Khatib ini".
- MAIK, 155/25. "Berkenaan dengan menangkap dua kelamin perempuan yang berkhawat di dalam bandar Kota Bharu".
- MAIK, 163/25. "Report telah menangkap perempuan yang berkhawat dengan laki-laki di dalam hotel Pasir Mas pada pukul 9.00 malam".
- MAIK, 83/27. "Hantar sekelamin perempuan yang berkhawat yang ditangkap di berek 6/3/27".
- MAIK, 117/27. "Report seorang nama Derahman bin Musa Kampung Menjual berkhawat dengan anak tirinya nama Mek Selamat binti Umar sehingga bunting dan beranak baharu lepas 40 hari Selamat ini menuntut hendak didakwa di atas Derahman itu".
- MAIK, 280/31. "Cadangan hendak dijalankan semua kuasa berkenaan dengan perempuan jahat itu kerana pada masa ini terlalu banyak pada merata tempat bandar dan daerah".
- MAIK, 166/32. "Report seorang perempuan bernama Membunga binti Saleh dan Embun binti Kejing duduk berkhawat seperti laki bini dengan Ya'akub dan Daud padahal kedua perempuan itu bini orang".
- MAIK, 146/33. "Ahmad bin Saleh bekas menantunya bawa seorang perempuan bernama Fatimah binti Wan Chik atau Tuk Ahmad duduk berkhawat di rumah Minah diminta majelis jalankan ke atasnya".
- MAIK 128/1936. "Minta keterangan siapakah yang telah dikuasakan menangkap perempuan2 jahat di dalam Negeri Kelantan".
- MAIK, 406/37. "Perempuan-perempuan sundal dalam bandar Kota Bharu".
- MAIK, 156/38. "Menerangkan ada sebuah rumah dua lapis Wakaf Siku mukim Langgar ada berhimpun perempuan-perempuan bujang yang menjadi bising kepada orang yang berhampiran dengan rumah itu diminta supaya dipadamkan perbuatan dan kelakuan perempuan-perempuan itu kerana kehadiran yang membawa keluahan yang melanggar hukum agama dan lain-lain".

- MAIK, 298/38. "Report seorang perempuan berkhawat dengan seorang laki-laki nama Mat Isa di Bukit Cina".
- MAIK, 338/38. "Berkenaan 2 orang telah ditangkap semalam 13/7/38 pasal kesalahan berkhawat iaitu Mek Som di gudang Lorong Kadir diminta Majlis dakwa di atas kesalahan itu".
- MAIK, 339/38, "Berkenaan dengan 4 orang yang telah ditangkap pada 11/7/38 kerana kesalahan berkhawat".
- MAIK, 411/38. "Report seorang bernama Senik berkhawat dengan seorang perempuan Cina di kampong China diminta majlis menjalankan apa-apa hukuman mereka itu kerana ditegah oleh hukuman syara".
- Mohd Shukri Yusoff. 2007. "Penyabungan Ayam". *Monograf Warisan Kelantan XX*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Pejabat Balai Kelantan. 237/1915. "Berkenaan dengan perempuan jahat dan orang2 Hindu dan Cina menggunakan perempuan Islam dan mengadakan undang2 menegahkan baginya".
- Pejabat Balai Kelantan. 336/1914. "Surat notis berkenaan judi Hua-hui".
- Pejabat Balai Kelantan. 196/1915. "Pasal orang2 Islam minum arak".
- Penyata MAIK. 1917.
- Pejabat Menteri Kelantan, 3/16. "Berkenaan dengan perempuan jahat".
- Pejabat Menteri Kelantan. 63/1920. "Berkenaan dengan perempuan-perempuan jahat dan seorang yang bernama Minah binti Jusoh masuk kepada ugama Cina".
- Rentse, A. 1934. "History of Kelantan". *JMBRAS*, 12 (2).
- Tok Kenali. 1921. "Persundalan". *Surat Persendirian Za'ba*, SP18/1B/188, 30 Disember.
- Winzeler, R.L. 1981. "The Rural Chinese of the Kelantan Plain". *JMBRAS*. 54 (3).

## Nota Biografi

Haryati Hasan (haryatie@fsk.upsi.edu.my) merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Sejarah) dan Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia/Sejarah Sosial) dari Universiti Malaya dan Doktor Falsafah (Sejarah Malaysia/Sejarah Sosial) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah menghasilkan pelbagai penerbitan dalam Jurnal, bab dalam buku, prosiding, modul pengajaran dan penulisan dalam majalah *Pengasuh*. Kebanyakan daripada penerbitan beliau merupakan hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan.